

30 SEP 1997

Mahathir-jamuan

MALAYSIA GESA WUJUDKAN HUBUNGAN PERKAPALAN TERUS DENGAN CHILE

Oleh: Syed Jamil Jaafar

SANTIAGO, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa diwujudkan hubungan perkapalan terus antara Malaysia dan Chile bagi kemudahan peningkatan perdagangan.

Beliau menyeru masyarakat perniagaan kedua-dua negara supaya menimbang dengan serius untuk melengkapkan hubungan udara secara langsung yang akan diadakan tahun depan.

Sambil berkata peluang-peluang dalam bidang pelancongan dan perdagangan akan menyusul dengan hubungan itu, Dr Mahathir mengimbau pada 1991 semasa beliau pertama kali melawat Santiago tidak ada kesedaran di kalangan ahli perniagaan Malaysia tentang apa yang boleh ditawarkan oleh Chile.

Hari ini ahli perniagaan Malaysia mempunyai pelaburan di sini dan terdapat lebih daripada 1,000 buah kereta Proton menjalari jalan raya Chile dengan menguasai empat peratus pasaran.

"Jarak yang jauh dan bahasa tidak lagi dikaitka sebagai penghalan kepada perdagangan dan pelaburan di Chile," kata Dr Mahathir pada majlis jamuan makan malam oleh Presiden Eduardo Frei.

Chile, yang kaya dengan sumber semula jadi dan mempunyai 14 juta penduduk yang bertutur dalam bahasa Sepanyol, dengan keluasan 750,000 km persegi terletak di pantai barat Amerika Selatan, adalah terlalu jauh bagi Malaysia.

Dr Mahathir memberitahu para tetamu di majlis itu bahawa Malaysia juga telah mula mengeluarkan produk elektrik sendiri dengan jenama MEC dan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah pusat pengedaran di Chile.

Bagi kalangan ahli perniagaan Chile yang mahu menerokai pasaran Asean, Perdana Menteri menawarkan Malaysia sebagai pusat operasi mereka.

Beliau juga mempelawa syarikat telekomunikasi Chile mengambil bahagian dalam projek Koridor Raya Multi-Media (MSC).

Dr Mahathir, penggerak utama kerjasama Selatan-Selatan, berkata negara-negara membangun seperti Malaysia dan Chile perlu sama-sama bangun untuk menentukan masa depan masing-masing.

Beliau berkata pada waktu selepas era perang dingin terdapat kecenderungan bagi negara yang kuat supaya negara yang lemah mengikut telunjuk mereka.

Negara-negara membangun dibuat supaya memenuhi kepentingan negara yang lebih kuat seperti yang dilihat di Asia Tenggara di mana spekulasi mata wang oleh spekulator penyangak telah membawa akibat buruk kepada ekonomi negara-negara di rantau itu.

Perdana Menteri berkata negara yang kaya telah mempertahankan tindakan-tindakan mereka dengan mengatakan bahawa apa yang berlaku adalah merupakan tindak balas pasaran dan turut mengiakan.

"Tetapi kami negara-negara membangun yang akan berdepan dengan kesan-kesan daripada tindakan yang tidak bertanggungjawab itu," katanya. --  
BERNAMA

SJ TCL oba